

KENYATAAN DATUK BANDAR

MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

MESYUARAT MAJLIS PENUH

27 JULAI 2021

1. PERTANDINGAN KUIZ ONLINE CELIK STRATA 2021 (STRATA KIDS)

Dengan ini dimaklumkan bahawa MBSP akan mengadakan “Pertandingan Kuiz Online Celik Strata 2021 (Strata Kids)” secara atas talian. Pertandingan ini terbuka kepada golongan pelajar sebagai pengenalan dan pendidikan awal kepada mereka sebagai generasi yang bakal menghadapi kepesatan pembangunan strata di Seberang Perai di masa akan datang.

2. SELAMAT MENYAMBUT MAAL HIJRAH 1443H

Awal Muharram atau Maal Hijrah merupakan suatu hari yang penting bagi umat Islam kerana menandakan peristiwa penting yang berlaku dalam sejarah Islam iaitu memperingati penghijrahan Nabi Muhammad S.A.W. dari Kota Makkah ke Kota Madinah pada tahun 622M. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Awal Muharram 1443 Hijrah iaitu bersamaan 10 Ogos 2021 (Selasa). Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

3. SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN YANG KE-64

Tema “Malaysia Prihatin” sekali lagi dikekalkan sebagai tema Hari Kemerdekaan pada tahun ini. Logo berbentuk hati dengan warna Jalur Gemilang, melambangkan keprihatinan kerajaan terhadap rakyat Malaysia yang berbilang kaum tabah dalam mendepani cabaran pandemik Covid-19.

“Malaysia” membawa pengertian seluruh rakyat Malaysia berganding bahu memerangi pandemik COVID -19, sama ada penjawat awam, sektor swasta, sukarelawan mahupun orang

perseorangan. "Prihatin" pula mewakili keprihatinan kerajaan dalam mengutamakan kesejahteraan dan kebajikan rakyat melalui inisiatif Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang merangkumi aspek ekonomi, kebajikan serta kelangsungan hidup rakyat Malaysia. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang Ke-64 pada 31 Ogos 2021 (Selasa) kepada seluruh warga Seberang Perai dan Negeri Pulau Pinang. Hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

4. SENTIASA MEMATUHI PROSEDUR STANDARD (STANDARD OPERATING PROCEDURE) DEMI MEMERANGI COVID-19

Diingatkan seluruh kakitangan MBSP dan seluruh penduduk Seberang Perai sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia(KKM) dan amalkan norma baharu setiap masa bagi membendung penularan Covid-19 . Jangan alpa dan lalai dengan kelonggaran dan kebebasan yang diberikan sekarang. Kita masih berada dalam Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN) .

Perjuangan menghadapi cabaran Covid-19 masih belum selesai, saya menyeru sekali lagi, penduduk Seberang Perai mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan supaya kita kekal sihat.

SEKIAN, TERIMA KASIH.